

04/04/1997

Kaki pancing kolot, kodi

SETAHU Sally istilah 'tangkap dan lepas' atau dalam bahasa orang putihnya 'catch and release' khusus dicipta untuk kaki joran. Ia dianggap kod etika atau peraturan yang sepatutnya difahami dan dipatuhi oleh pemancing. Makna istilah ini memang sudah terang lagi bersuluh, iaitu hasil pancingan atau tangkapan yang tidak cukup besar atau belum akil baligh perlulah dilepaskan semula ke habitat asalnya seperti laut, sungai, kolam, lombong atau parit. Maafilah kalau takrifan Sally ni tak berapa betul. Maklum saja Sally bukanlah kaki joran yang arif selok-belok memancing ni. Kalau memancing di pasar tu memang Sally pakar.

Sally timbulkan isu ini berikutan aduan beberapa pihak yang turut mengikuti GP Joran yang diadakan di Tanjung Piai, Johor baru-baru ini. Mereka meluahkan kekesalan melalui telefon dan surat mengatakan ramai peserta GP tak ikut peraturan, tak beretika dan tidak ada semangat sukan langsung. Entahlah, Sally pun tidak perasan sangat hal ini kerana Sally sekejap sangat berada di Kukup tu. Bukan apa, baru sekejap di sana naik pening dan kembang tekak Sally kerana tak tahan dengan bahu hamis daripada isi tong ikan dan kaki joran yang ambil bahagian tu.

Ramai juga yang mengadu pada Sally memberitahu sebahagian besar peserta tidak amalkan langsung sikap 'catch and release'. Dalam borang peraduan jelas ditulis bahawa pemenang ditentukan oleh berat ikan. Maknanya hanya ikan yang besar dan berat saja layak bertanding. Malangnya ramai peserta yang bersikap macam tauke borong. Tak kira ikan baik besar atau kecil, asal tersangkut pada mata kail terus angkut bawa naik ke darat. Cuba bayangkan berapa banyakkah cucu-cicit dan anak ikan yang sepatutnya dilepaskan semula ke laut yang dapat dipancing oleh lebih 1,000 peserta itu!

Bingung Sally memikirkannya. Nak kata tak tahu baca dan tak faham peraturan, mungkin tak betul. Ini kerana kadar celik huruf rakyat Malaysia tinggi juga. Kalau ikut perangkaan yang diberikan oleh majalah Asiaweek, hanya 10.7 peratus penduduk negara ini yang buta huruf. Selebihnya seramai 89.3 peratus lagi boleh menulis dan membaca. Jadi kalau mampu membaca, takkanlah peraturan pertandingan yang menyatakan bahawa hanya berat ikan yang diambil kira, bukan banyaknya jumlah ikan yang dipancing tidak dipatuhi? Dengar cerita, ikan pari sebesar duit syiling 50 sen dan anak ikan kerapu bersaiz dua jari pun ikut jadi mangsa.

Apa ni? sportinglah sikit ... Kalau ada peserta dari negara luar, tentu malu jadinya nanti. Mereka tentu kata pemancing Malaysia ni tak bertamadun, kuno, lekeh, kodi dan macam-macam lagi. Nampaknya sia-sia sajalah usaha Perdana Menteri kita yang tidak penat-penat berusaha menaikkan imej negara di pentas dunia. PM mahu Malaysia jadi negara maju di mana rakyatnya berilmu dan berjiwa besar. Sebab itu slogan 'Malaysia Boleh' diperkenalkan supaya apa yang orang lain boleh buat, kita juga mampu lakukannya.

Tetapi di Tanjung Piai tempoh hari, Sally diberitahu kaki joran di sana bukan saja mampu menaikkan pari seberat 25 kilogram, tetapi ramai juga berjaya mengail dan membawa pulang anak ikan yang baru belajar berenang. Sally harap hal ini tidak berlaku lagi di Kuala Linggi nanti.

(END)